

Dr. M: Sidang Komanwel banyak cakap dari kemajuan

UM 15 Sept. 1981

Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan petang ini bahawa kerajaan akan menumpukan sepenuh perhatian ke dalam negara untuk mencapai pembangunan yang lebih pesat.

Katanya, "kita mempunyai banyak urusan yang harus dijalankan di sini," dan oleh itu, tidak banyak masa yang dapat digunakan untuk perkembangan-perkembangan di luar negara.

Beliau berkata demikian setibanya di lapangan terbang di sini selepas dua minggu bercuti ke Sepanyol dan Portugal, ketika diminta menjelaskan sebab-sebab Malaysia tidak akan menghantar wakil ke persidangan ketua-ketua negara Komanwel yang akan berlangsung di Australia hujung bulan ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir mensifatkan persidangan tersebut sebagai "banyak bercakap tetapi setakat ini tiada kemajuan yang dicapai."

Beliau bagaimanapun menafikan bahawa Malaysia akan menarik diri daripada Persatuan Negara-Negara Komanwel.

Ramai para menteri kabinet dan pegawai kanan kerajaan menyambut kepulangan Datuk Sri Dr. Mahathir dan isterinya, Datin Sri Dr. Siti Asmah dan dua orang anak mereka.

Mengenai pemimpin-pemimpin MCA yang berjaya mengekalkan jawatan masing-masing termasuk presiden, timbalan dan empat naib presiden tanpa bertanding tahun ini, Perdana Menteri menganggap perkembangan tersebut sebagai suatu yang sangat baik.

Beliau berharap MIC akan juga mempunyai pemilihan pucuk pimpinan yang tidak perlu menerusi pertandingan.

Menyentuh tentang lawatannya ke Portugal dan Sepanyol, beliau memberitahu bahawa "cutinya ke sana amat menyeronokkan."

Katanya lagi, beliau juga berbincang secara tidak formal dengan Perdana Menteri Portugal tentang dagangan dua hala dengan Malaysia.

Menurut beliau, oleh kerana perdagangan masih menguntungkan Malaysia, Sepanyol dan Portugal telah meminta negara ini membeli lebih banyak barang-barangnya seperti ubat-ubatan,

jentera, buah-buahan dan lain-lain.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang telah berhenti selama tiga hari di London itu juga telah menafikan bahawa beliau berjumpa dengan bekas Menteri Besar, Dato' Harun Haji Idris di sana.

Beliau juga menyatakan tidak tahu menahu tentang apa-apa penangkapan yang akan dibuat tidak lama lagi terhadap mana-mana tokoh penting di negara ini.

Sekembalinya dari bercuti, beliau memberitahu bahawa esok beliau akan mempengerusikan mesyuarat kabinet dan kemudian akan meneruskan kerja-kerjanya sebagai Perdana Menteri.